



SEBAHAGIAN warga asing yang bekerja dan berniaga di luar Pasar Borong Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI



TINJAUAN warga asing berniaga di kaki lima di Jalan 2/3A berhampiran Pasar Borong Selayang. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



TUKAR 'PORT' NIAGA

Warga asing sewa premis luar pasar borong bekal sayur, buah serta barangan basah

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Warga asing kini menjadikan kawasan premis di luar Pasar Borong Kuala Lumpur sebagai tempat untuk mereka menjalankan perniagaan selepas tidak dibenarkan beroperasi di pasar berkenaan sejak dua tahun lalu.

Tinjauan di Jalan 2/3a di sini mendapati hampir keseluruhan premis di kawasan terbabit adalah dikendalikan warga asing dari Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan China selain etnik Rohingya.

Difahamkan mereka menyewa premis terbabit dengan harga RM7,000 hingga RM15,000 sebulan bagi menjalankan perniagaan membekal sayur-sayuran, barangan basah dan buah-buahan.

Deretan bangunan kedai empat tingkat berdekatan Pasar Borong Kuala Lumpur itu turut dijadikan kediaman mereka dan sikap tidak menjaga kebersihan menyebabkan kawasan persekitaran kotor dan berbau busuk.

Wartawan turut memasuki beberapa premis yang didakwa milik warga asing yang menjual pelbagai barang mentah.

Seorang warga asing yang ditemui mendakwa mereka hanya pekerja di premis berkenaan dan bukan memiliki perniagaan terbabit.

Namun ketika ditanya mengenai pemilik sebenar perniagaan, mereka mengelak seolah-olah menyembunyikan pemilik sebenar perniagaan.

Pemborong sayur, Mohd Luthfi Shahid, 43, berkata, kebanyakan premis terbabit memang dimiliki dan dijalankan warga asing berkenaan.

"Mereka mula aktif selepas tidak dapat berniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur dan sanggup menyewa premis dengan harga tinggi berikutan keuntungan yang tinggi.

"Pasaran bahan mentah juga dilihat dikawal oleh golongan ini menyebabkan aktiviti di Pasar Borong Kuala Lumpur sedikit terjejas," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKMWP) Pasar Borong Harian Selayang, Mohammad Pandu Insani Yahya berkata, tindakan warga asing menjadikan premis di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur sebagai tempat penjualan mereka disebabkan tidak dapat masuk ke pasar berkenaan.

"Berikutan sekatan yang dikenakan terhadap mereka, mereka kini menyewa premis-premis di luar pasar dan menjalankan perniagaan mereka.

"Setakat ini semua pekerja dan penyewa di pasar adalah terdiri dari warga tempatan sejak pandemik yang melanda negara," katanya.

>>DARI MUKA 2

Menurutnya, pihak penguatkuasa disarankan melakukan operasi di premis luar pasar bagi melihat sendiri kegiatan warga asing berkenaan.

"Kami dan beberapa persatuan lain mengutarakan masalah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan harap mereka lebih agresif membanteras kegiatan warga asing terbabit," ka-

tanya. "Kami tidak mahu apabila tapak warga asing semakin mengukuh, peniaga tempatan pula akan terhimpit di bumi sendiri untuk mencari sesuap nasi," katanya.

Perlu risik sebelum gempur!

Kuala Lumpur: Risikan dan tinjauan perlu dijalankan sebelum menjalankan sebarang operasi di sekitar Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur susulan dakwaan warga asing kembali menjadikan kawasan itu sebagai lubang rezeki perniagaan secara haram.

Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin berkata, pihaknya mempunyai pasukan yang akan memantau perkara itu dan tindakan susulan akan diambil mengikut hasil risikan.

"Sebab itu, saya tidak boleh sahkan akan ada operasi atau sebaliknya dalam masa terdekat. Dalam hal ini, warga asing ini ada yang berkahwin dengan orang tempatan dan mempunyai permit sah tinggal di negara ini, selain pendatang asing tanpa izin (Pati).

"Yang Pati kita boleh tahan mengikut akta imigresen. Kalau nak tangani isu perniagaan haram dalam kalangan warga asing secara menyeluruh, operasi bersepadu boleh diadakan. "Mungkin ada penyertaan wakil Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan majlis bandaraya. Malah, imigresen Selangor pun boleh turut serta kerana macam di Pasar Borong Selayang ada bahagiannya berada dalam kawasan negeri itu," katanya ketika dihubungi, semalam.


Terdahulu tinjauan Harian Metro mendapati warga asing yang menjual sayur-sayuran, buah-buahan dan barang basah kini mula menumpukan premis di sekitar pasar berkenaan untuk menjalankan kegiatan mereka.

Mereka juga sanggup menyewa premis dengan bayaran sehingga RM7,000 hingga RM15,000 sebulan bagi menjalankan perniagaan terbabit.

Syamsul Badrin berkata, pihaknya juga akan menyia-



WARGA asing menjual barangan basah di luar pasar borong.



sat dakwaan lot niaga pasar itu yang disewakan kepada warga asing.

"Saya juga ada terima maklumat warga asing ini tiada tapak perniagaan, sebaliknya berniaga di tepi jalan.

"Semua perkara ini akan disiasat secara menyeluruh dan mereka yang melanggar un-

dang-undang akan dikenakan tindakan tegas," katanya.

Tukar nama pemilik perniagaan

Kuala Lumpur: Komplot warga tempatan dan warga asing kini lebih licik apabila dikesan menukarkan nama pemilik perniagaan selepas lesen mereka dibatal ketika operasi dijalankan.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Osman Ismail berkata, walaupun nama pemilik lesen dibatalkan mereka akan membuat permohonan baru dengan memohon nama pemilik berbeza.

"Kita memang mengesan kegiatan ini, sebab itu bila operasi dijalankan DBKL menyita barang perniagaan dan membatalkan lesen perniagaan mereka.

"Tetapi apabila kita batalkan mereka buat permohonan baru dengan menukar nama pemilik lain tetapi beroperasi di tempat yang sama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Osman berkata, pihaknya di Jabatan Perlesenan DBKL kini menukar strategi dengan menyenarai hitam lokasi yang dibatalkan lesen.

"Kebanyakan pemilik lesen ini adalah isteri atau keluarga



“Tindakan DBKL hanya kepada premis dan lesen perniagaan sahaja”
Osman

SEJAK Januari sehingga kini, DBKL menyita 106 premis perniagaan yang dijalankan warga asing di sekitar PHS dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

kepada warga asing terbabit, ada juga yang membeli lesen daripada orang tempatan.

"Memang diakui perkara ini ada namun tindakan DBKL hanya kepada premis dan lesen perniagaan sahaja dan tidak ada kuasa untuk menahan warga asing," katanya.

Menurutnya, sejak Ja-

nuari sehingga kini, pihaknya menyita 106 premis perniagaan yang dijalankan warga asing di sekitar Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Operasi dijalankan setiap masa, tetapi hari ini kita sita esok mereka beroperasi semula, seolah-olah tidak takut dengan tindakan yang diambil kerana kita hanya boleh menyita dan membatalkan lesen sahaja," katanya.



ANTARA premis di luar pasar borong yang disewa warga asing dengan bayaran sehingga RM7,000 hingga RM15,000 sebulan untuk menjalankan perniagaan.